



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

# SEMINAR MENDAULATKAN BAHASA MELAYU

*BAHASA MELAYU MENITI ERA  
REVOLUSI INDUSTRI KE-4*

## BUKU PROGRAM

16 OGOS 2018 (KHAMIS)  
DEWAN BANQUET, UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA



# OBJEKTIF



## PERKONGSIAN ILMU

Berkongsi ilmu dan pengalaman daripada tokoh bahasa Melayu tempatan dan antarabangsa bagi mendepani cabaran Era Revolusi Industri Keempat

## PENINGKATAN KESEDARAN

Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa Ilmu dalam kalangan IPT



## MERINTIS PENCERAHAN

Merintis pencerahan bagi isu berkaitan bahasa Melayu melalui forum ilmiah

## MENYEBAR LUAS

Menyebar luas inisiatif KPM dalam memartabatkan bahasa Melayu kepada semua ahli akademik dan penjawat awam yang hadir



# ATUR CARA

- 8.15 pagi Pendaftaran dan Minum Pagi
- 9.15 pagi Ketibaan Naib Canselor, Univeristi Putra Malaysia
- 9.30 pagi Ucapan Alu-aluan Naib Canselor Univeristi Putra Malaysia
- 10.00 pagi **Ucaptama 1:** Bahasa Melayu Meniti Era Revolusi Industri Keempat  
**YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd Yusof bin Othman**  
Pengarah Institut Islam Hadhari  
Universiti Kebangsaan Malaysia
- 11.00 pagi **Forum 1**  
**Ahli Panel 1:** YBhg. Prof. Dato' Ir. Dr. Wan Ramli bin Wan Daud  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
**Ahli Panel 2:** YBhg. Dato' Kepten Prof. Emeritus Dr. Hashim Yaacob (B) Mantan  
Naib Canselor UM, QIUP, MERITUS, KLMUC, IUCN  
**Ahli Panel 3:** YBhg. Datuk Prof. Dr. Azizan binti Baharuddin  
Institut Kefahaman Islam Malaysia  
**Moderator:** YBrs. Tuan Sayed Munawar bin Sayed Mohd. Mustar  
Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Kota Buku
- 12.25 tengah hari Penyampaian Sijil Penghargaan
- 12.30 tengah hari Merarau

# ATUR CARA

2.00 petang **Ucaptama 2:** Cabaran Pelestarian Bahasa Melayu Menjelang Revolusi Industri Keempat

**YBrs. Prof. Dr. Arndt Graf**

Ketua Pengajian Asia Tenggara

Universiti Goethe, Frankfurt

3.00 petang **Forum 2**

**Ahli Panel 1:** YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad bin Merican

Universiti Sains Malaysia

**Ahli Panel 2:** YBrs. Prof. Madya Dr. Sarjit Singh a/l Darshan Singh

Universiti Putra Malaysia

**Ahli Panel 3:** YBrs. Dr. Mohammad Alinor bin Abdul Kadir

Universiti Putra Malaysia

**Moderator:** YBrs. Tuan Sayed Munawar bin Sayed Mohd. Mustar

Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Kota Buku

4.30 petang Ketibaan YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia

4.40 petang Ucapan Perasmian Penutup oleh YB Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia mewakili  
YB Menteri Pendidikan Malaysia

5.00 petang Penyampaian Sijil Penghargaan

5.15 petang Kudapan dan Bersurai



## PENYAMPAI UCAP TAMA 1

Nama : Prof. Dato' Dr. Mohd. Yusof Hj. Othman  
Institusi : Universiti Kebangsaan Malaysia  
Kepakaran : Teknologi Fotovoltan & Fotovoltan Terma dan Sejarah & Falsafah Sains Islam

### LATAR DIRI

Dato' Dr. Mohd Yusof Hj. Othman ialah Profesor di Program Fizik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebelum ini beliau ialah Ketua Jabatan Fizik (1990-94), Timbalan Dekan Fakulti Sains dan Teknologi (1994-2002), Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi (2002-07), dan Pengarah Pertama, Institut Islam Hadhari sejak Mei 2007 di universiti tersebut. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains (Fizik) (1976) daripada UKM, Sarjana Sains (Fizik Keadaan Pepejal) daripada Univ. of London (1977) dan PhD (Tenaga Suria) daripada University of Aston, UK (1984). Beliau ialah pengasas Kumpulan Penyelidikan Tenaga Suria, UKM dan kemudiannya menubuhkan Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI) (2005), Ahli majlis *World Renewable Energy Network (WREN)* sejak 1992, Profesor Pelawat di *Department of Engineering, University of Reading, UK* (1994). Kini beliau ialah Ketua Editor Jurnal Hadhari, Editor Bersekutu *Journal of Renewable Energy* (2005-2010), Lembaga Editor, *Scientific Journal International* sejak Julai 2007, pewasit *Journal of Sustainable and Renewable Energy Review*, Lembaga Editor *ISESCO Journal of Science & Technology* dan Lembaga Penasihat Antarabangsa, Ulum Islamiyyah Journal. Beliau juga ialah Ahli Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia sejak 2006, Ahli Majlis Dakwah Negara (2014-16), Ahli Lembaga Penasihat, Institut Wasatiyyah Malaysia (2013-15), Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (2015-2018), Pengerusi, Panel Pakar Falsafah Sains DBP (2010-120), ahli Jawatankuasa Penerbitan DBP (2012-17), Felo Akademi Sains Malaysia (mulai 2014), Felo Kehormat Universiti Islam Malaysia (2014-15), Felo Kehormat Institut Kefahaman Islam Malaysia (2005-07) dan 2017/18, dan Felo Kehormat Universiti Sultan Zainal Abidin (2014).

Beliau ialah penerima “WREN Pioneer” Award daripada *World Renewable Energy Network/Congress* (2004), *Special Award for outstanding cooperation & support during two decades* (2010) di WREC ke XIII, dan *Special Award for recognition of Innovation in Renewable Energy Technology* (2016) di WREC XVII, Henry Goh Award 2000 untuk *Most Environment Friendly Invention* 2000, *Environmental Protection Prize* daripada Swiss Society for the Protection of The Environment in 2001, *Special Award* daripada Taiwan Inventors Association in Seoul International Invention Fair 2004 dan *Special Prize* daripada Korea Invention Promotion di INPEX 2008 Invention & New Production Exposition, Pittsburgh, USA. Beliau telah menulis lebih daripada 350 makalah jurnal, pascasidang, dan kertas seminar, 30 buah buku dan mendaftar sebanyak 15 paten. Di UKM, beliau ialah penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (1990 &1993), Anugerah Khas Kreativiti dan Inovasi Kategori Kakitangan Akademik (1997), Anugerah Khidmat Masyarakat bagi ahli Akademik (1998) dan Anugerah Khas Penerbitan Akademik (2003). Beliau juga penerima Anugerah Saintis Cemerlang (2004 & 2005) daripada KPT, Tokoh Akademik Bahasa Melayu 2013 oleh KPM dan *Top Research Scientist Malaysia* (TRSM) 2013 oleh Akademi Sains Malaysia dan Ikon Pejuang Bahasa Melayu Kategori Akademik 2016 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

# ABSTRAK

## BAHASA MELAYU DALAM MENITI ERA REVOLUSI INDUSTRI KE-4

Banyak isu yang ditimbulkan berhubung dengan kedudukan bahasa Melayu di era Revolusi Industri ke 4 (4IR). Dari segi sejarah, sistem ekonomi berubah dari suatu zaman ke zaman yang lain; dari sistem feudal ke sistem sosialis, kemudian ke sistem kapitalis, dan kini ke sistem pasaran bebas dan terbuka. Perubahan kepada sistem ekonomi ini memberi kesan kepada evolusi sains dan teknologi. Kertas ini dimulakan dengan melakukan tinjauan secara sepintas lalu tentang peranan bahasa Melayu dalam membina sistem nilai dalam pembangunan peradaban. Era Revolusi Industri ke-4 atau 4IR (Schwab, 2017) adalah era pembangunan sistem ekonomi pasaran bebas dan terbuka dengan bantuan pesat oleh pembangunan dalam bidang sains angkasa, teknologi maklumat dan komunikasi serta pembangunan teknologi nano yang disebut juga sebagai sistem siber fizikal. Era ini adalah era dunia tanpa sempadan (Ohmae, 1999); era maklumat dan produk bergerak dengan pantas yang mendekatkan hubungan antara manusia (Greider, 1998); era “*excellence without a soul*” (Lewis 2006) di mana nilai budaya dan agama diabaikan (Vitz, 2009). Untuk mengekalkan jati diri dan nilai budaya, sastera, persuratan dan agama, bahasa Melayu perlu menjadi bahasa pengantar bidang sains dan teknologi. Penggunaan bahasa Melayu dalam pembangunan sains dan teknologi akan memastikan sahsiah, keperibadian, jati diri dan nilai masyarakat pengguna bahasa tersebut dapat dimantapkan, dipupuk dan dibangunkan seiring dengan kemajuan sains dan teknologi itu sendiri. Oleh kerana pembangunan sains dan teknologi dalam peradaban Barat bersifat sekular, terpisah daripada sistem nilai budaya dan agama, ianya dapat dijadikan wahana untuk pembangunan sains dan teknologi dalam tamadun di alam Melayu. Kertas ini membincangkan kemampuan bahasa Melayu dalam pembangunan di era 4IR yang didokong oleh ledakan sistem siber fizikal.



## PENYAMPAI UCAPTAMA 2

Nama : Prof. Dr. Arndt Graf  
Institusi : Universiti Goethe, Frankfurt  
Kepakaran : Pengajian Asia Tenggara dan Bahasa dan Budaya Austronesia

### LATAR DIRI

Prof. Dr. Arndt Graf (PhD Hamburg 1998, habilitasi Hamburg 2004 dalam bidang “Bahasa dan budaya Austronesia”) adalah Profesor (Chair) Pengajian Asia Tenggara di Universiti Goethe Frankfurt, Jerman, sejak 2009, dan Timbalan Presiden European Association of Southeast Asian Studies (EUROSEAS) sejak 2017. Sebelumnya, ia berkhidmat di Universiti Sains Malaysia (2007-2009), Universiti Hamburg, Jerman (1999-2006) dan Cornell University, Amerika Syarikat (1998-1999). Prof Graf telah dilantik sebagai Profesor Tamu di Universitas Islam Negri Syarif Hidayatullah Jakarta (2004), Universiti La Rochelle, Perancis (2005-2006), Universiti Malaya (2013) dan Universiti ENS Lyons, Perancis (2014). Arndt Graf juga Ketua Projek Penyelidikan AFRASO (“Africa’s Asian Options”) yang didanai oleh Kementerian Penyelidikan Jerman dan melibatkan sekitar 40 penyelidik (2013) di Universiti Goethe Frankfurt. Penerbitan Arndt Graf meliputi aspek retorik, media, sastera dan komunikasi politik di Asia Tenggara.

# ABSTRAK

## CABARAN PELESTARIAN BAHASA MELAYU MENJELANG REVOLUSI INDUSTRI KEEMPAT

Dalam sumbangan ini, saya akan menganalisis “Cabarhan pelestarian bahasa Melayu menjelang Revolusi Industri Keempat” dengan beberapa langkah. Langkah pertama adalah pemaparan penggunaan bahasa Inggeris di dalam wacana tentang RI4 di beberapa negara penting, termasuk di Eropah, Amerika, Asia dll. Langkah kedua adalah analisis sejarah konsep Industri 4.0, termasuk konsep “gelombang Kondratiev” itu diikuti olehuraian teoretis tentang kaitan antara perubahan teknologi utama dengan bahasa, budaya dan politik. Langkah berikutnya memfokuskan pada motivasi kerajaan Jerman di belakang promosi konsep “Industrie 4.0”, iaitu sebagai jawaban pada pemerosotan posisi Jerman di dalam sistem ekonomi dunia yang sedang menyaksikan kebangkitan China dan banyak negara lain, hampir semuanya di luar “Anglosphere”. Implikasi pada kedudukan bahasa Melayu/Indonesia adalah bahawa kedua-dua bahasa akan terus menjadi lebih penting selama perkembangan ekonomi di Malaysia dan Indonesia terus terjamin. Kesimpulan terakhir adalah suatu fokus kembali dari konsep Industri 4.0, iaitu sebagai kombinasi “Internet of Things” dengan “Internet of Services”. Justeru dalam bidang “Internet of Services” terletak banyak peluang untuk Bahasa Melayu selama pengguna di Malaysia terus bertutur dalam Bahasa Melayu. Implikasi bagi sistem pendidikan tinggi adalah untuk meningkatkan kebolehpekerjaan para pelajar dalam era Industri 4.0 dengan pelbagai cara.

Bahasa Melayu akan terus menjadi lebih penting dalam era Industri 4.0 selama rakyat Malaysia, Indonesia dan Brunei terus mendaulatkan bahasa itu dan giat berusaha melestarikan dan memperkayakannya dengan pelbagai cara. Ini termasuk: i) memperkayakan istilah-istilah sains dan teknologinya; ii) menambah khazanah ilmu berbahasa Melayu melalui penerbitan makalah jurnal dan buku yang sesuai dengan era Industri 4.0; iii) mengajar semua mata pelajaran di maktab, kolej dan universiti dalam bahasa Melayu. Pendeknya Bahasa Melayu wajib dijadikan bahasa wacana untuk Industri 4.0.

# FORUM



## MODERATOR

Nama : Tuan Sayed Munawar Sayed Mohd. Mustar  
Institusi : Perbadanan Kota Buku  
Jawatan : Ketua Pegawai Eksekutif

## FORUM 1



## PANEL 1

Nama : Prof. Dato' Ir. Dr. Wan Ramli Wan Daud  
Institusi : Universiti Kebangsaan Malaysia  
Kepakaran : Kejuruteraan Kimia

## LATAR DIRI

Prof. Dato' Ir. Dr. Wan Ramli bin Wan Daud FASc ialah Profesor Kejuruteraan Kimia di Jabatan Kejuruteraan Kimia & Proses, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia sejak tahun 1996. Beliau merupakan mantan Pengarah Pengasas Institut Sel Fuel, Universiti Kebangsaan Malaysia 2007-2013 dan Felo Akademi Sains Malaysia pada 2013. Beliau lahir pada 27 Disember 1955 di Kampung Tanah Liat, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Beliau memperoleh ijazah BEng (Kepujian Kelas Pertama) di University of Monash pada tahun 1978 dan ijazah PhD di University of Cambridge pada tahun 1984 dalam bidang Kejuruteraan Kimia. Beliau menyertai Universiti Kebangsaan Malaysia sebagai tutor (1979-1983), pensyarah (1984-1989), Ketua Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Proses, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Kebangsaan Malaysia (1985-1988), Profesor Madya (1989-1996), Timbalan Dekan, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Kebangsaan Malaysia (1990-1993 dan 1995-1998), Profesor Kejuruteraan Kimia, Universiti Kebangsaan Malaysia (1996- kini) dan Pengarah Pengasas Institut Sel Fuel UKM (2007-2013).

Beliau merupakan pakar antarabangsa dalam teknologi penukaran tenaga pancaran sifar, sel fuel yang menggunakan hidrogen, alkohol dan air buangan, dan teknologi penghasilan hidrogen boleh dibaharui daripada biojisim, alkohol dan tenaga suria, dan teknologi pengeringan lestari. Beliau telah menerima dana penyelidikan sebanyak kira-kira

RM40 juta oleh Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) (1986-2007) dan kira-kira RM10 juta daripada Kementerian Pengajian Tinggi (2010-2017).

Beliau telah menerbitkan 921 makalah yang terdiri daripada 329 makalah jurnal antarabangsa, 367 makalah persidangan antarabangsa dan 225 makalah persidangan kebangsaan. Beliau telah menerbitkan dua buah buku penyelidikan antarabangsa, dua buah buku kebangsaan dan dua buah buku terjemahan. Beliau turut menyumbang lima bab dalam buku penyelidikan antarabangsa dan lima bab dalam buku kebangsaan. Beliau telah disebut dalam makalah antarabangsa sebanyak 4,040 kali dalam ISI WOS dengan H-indeks 32, 4860 kali dalam SCOPUS dengan H-indeks 35, dan 7015 kali dalam Google Scholar dengan H-indeks 41.

Beliau telah dinobatkan sebagai antara minda saintifik paling berpengaruh dalam kejuruteraan pada 2015 oleh Thomson Reuters dalam laporan mereka, “*The World’s Most Influential Scientific Minds 2015*”. Kesarjanaan dan kepakaran beliau dalam tiga bidang ini diiktiraf pada peringkat global apabila diundang membentangkan 21 ucapan utama antarabangsa dan 10 ucapan jemputan antarabangsa di Russia, Iceland, Japan, Thailand, Philippines, Indonesia dan Malaysia.

Kebitaran beliau dijulang dengan Anugerah Merdeka 2016 bagi Pencapaian Kesarjanaan Terbilang, anugerah tertinggi bagi saintis Malaysia pada 23 September 2016 bagi penyelidikan dan pengembangan terbilang dalam memajukan teknologi sel fuel dan hidrogen. Beliau telah dianugerahkan “*the ASEAN Energy Award 2005*” di Phnom Phen, “*the ASEAN Energy Awards 2007*” di Singapura, “*the IChemE Highly Commended Shell Energy Award 2008*” di Birmingham, UK, “*the Outstanding Contribution to the Drying Community 2009 Award*” di Bangkok, Thailand, dan “*the Award for Excellence in Research in Drying of Agricultural Products and Outstanding Contribution to the Development of Drying Technology 2011*” di Kuala Lumpur, Malaysia.

Beliau memenangi dua pingat emas di “*the 29<sup>th</sup> and 33<sup>rd</sup> Salon International Des Inventions Geneve 2001 dan 2005*”, “*the Environmental Award*” dari the Swiss Society for the Protection of the Environment 2001, dua pingat emas di *World Exhibition Of Innovation, Research And New Technologies*, Brussels, Belgium, 2007, satu pingat perak di “*the 34th Salon International Des Inventions Geneve 2006*” dan “*Special Awarad Union des Innovateurs de la Croatie 2006*”.

## FORUM 1



## PANEL 2

Nama : Dato' Kepten Prof. Emeritus Dr. Hashim bin Yaacob (B)  
Institusi : Grewal Dental Surgery  
Kepakaran : Pakar Pergigian

## LATAR DIRI

Hashim Yaacob menoreh getah dan menanam padi sewaktu cuti sekolahnya. Pada tahun 2003 beliau telah dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Malaya. Kemudiannya dilantik sebagai Naib Canselor di empat buah universiti swasta. Beliau dianugerahi *Fellowship* oleh The Royal College of Surgeons of England; The Royal College of Pathologists U.K; The Royal College of Pathologists Australasia; The Academy of Science Malaysia. Beliau merupakan seorang penyair, dalang wayang kulit, pelukis amatur, penceramah motivasi dan kepimpinan, dan doktor pergigian pakar di Grewal Dental Surgery, Jalan Telawi, Bangsar.

## FORUM 1



## PANEL 3

Nama : Datuk Prof. Dr. Azizan  
binti Baharuddin  
Institusi : Institut Kefahaman Islam Malaysia  
Kepakaran : Sains dan Islam, Quran & Sains

## LATAR DIRI

Azizan Baharuddin berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Biologi dari University of Tasmania dan PhD dari University Lancaster, United Kingdom dalam bidang Sejarah dan Falsafah Sains (Sains dan Islam). Bidang utama beliau ialah falsafah sains, dialog antara tamadun, etika alam sekitar, bioetika serta interaksi antara sains dan agama. Beliau aktif menulis dan telah menghasilkan lebih dari 200 buah penulisan dalam bentuk buku, monograf, bab buku, artikel jurnal, dan penulisan di akhbar dalam pelbagai topik mengenai sains dan nilai/agama, sains dan masyarakat, bioetika dan etika alam sekitar serta dialog antara penganut agama. Beliau merupakan Pensyarah/Profesor di Universiti Malaya sehingga 2011 sebelum dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah dan Ketua Pengarah di Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Melalui slot radio IKIMfm, beliau aktif membincangkan topik-topik berkaitan bidang-bidang, yang dinyatakan khasnya sains dan Islam.

Beliau dilantik oleh Kementerian Pengajian Tinggi sebagai penilai Anugerah Akademik 2010 – 2016. Beliau dilantik menganggotai kumpulan UNESCO *Network of Women Philosophers* dan pernah menerima anugerah menyediakan kurikulum tentang sains dan agama dalam Islam daripada *Templeton Centre of Theology & Natural Sciences* (2001) USA. Beliau juga aktif dalam beberapa pertubuhan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan dengan gender, pembangunan lestari alam sekitar dan dialog antara agama/budaya dan merupakan ahli dalam pelbagai jawatankuasa penasihat dan perundingan kepada beberapa kementerian. Beliau juga dilantik menjadi panel penasihat mata wang Bank Negara Malaysia dan ahli Majlis Bioetika Negara (2010 – 2017).

Beliau dilantik oleh Ketua Pengarah UNESCO sebagai ahli International *Bioethics Committee* UNESCO, Paris (2014 – 2017). Beliau telah menerima anugerah Pingat Jasa Negara (P.J.N) daripada DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong pada 2016. Beliau juga menerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 2016 anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Beliau juga adalah penerima Anugerah Langkawi Tahun 2015/2016 anjuran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Beliau merupakan salah seorang daripada penggubal Deklarasi Islam Mengenai Perubahan Iklim yang telah dilancarkan di Istanbul, Turki pada 2015. Terkini beliau dilantik sebagai ahli Lembaga Shariah QSR Brands Holdings (M) Berhad (2017 – 2019) serta Ahli Lembaga Penashiat Pertubuhan Legasi Tun Abdullah Ahmad Badawi (LEGASI) (2017) dan Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka (2016 – 2019).

## FORUM 2



## PANEL 1

Nama : Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad bin Merican  
Institusi : Universiti Sains Malaysia  
Kepakaran : Sejarah Intelektual/Sains Sosial, Kewartawanan dan Pengajian Media Melayu

## LATAR DIRI

Dato' Dr. Ahmad Murad Merican merupakan seorang profesor di Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarbangsa (CenPRIS), Universiti Sains Malaysia, Minden, Pulau Pinang. Beliau pernah menjadi profesor adjung di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) antara tahun 2016-2017, dan juga pernah menjadi profesor pelawat di Universitas Andalas, Sumatra Barat pada tahun 2006 dan 2010. Beliau merupakan ahli majlis Institut Pemikiran Mahathir Mohamad (IPDM) yang bertempat di Universiti Utara Malaysia. Pada tahun 2009 hingga 2012, beliau merupakan penyandang pertama Zamalah Presiden Kehormat Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya. Beliau telah menerbitkan 13 buah buku, tiga yang terbaharu ialah *Views from Pulau Pinang: Countering Modern Orientalism and Policy Perspectives* (Penulisan bersama, 2018), *In Other Words: Ideas on Journalism, Social Science and Society* (2017) dan *Batu Uban: Sejarah Awal Pulau Pinang* (2015). Sebuah lagi bertajuk *Revisiting Atas Angin: A Review of the Malay Imagination of Rum, Ferringhi and the Penjajah* sedang diterbitkan (2018). Beliau juga merupakan naib presiden, Persatuan Komunikasi Asia Pasifik (*Pacific Asia Communication Association*) yang berpusat di Seoul, Korea. Beliau juga ialah Ahli Jawatankuasa Teknikal Anugerah Tokoh Akademik Bahasa Melayu (ATABM).

Minat akademik dan penyelidikan beliau termasuk Sejarah Intelektual/Sains Sosial, Kewartawanan dan Pengajian Media Melayu, dan Sejarah Budaya dan Warisan Melayu Pulau Pinang, dan rantau Kepulauan Melayu. Ijazah Doktor Falsafah beliau ialah dalam Sejarah dan Falsafah Sains. Di Cenpris, USM, beliau menumpu pada kajian dan wacana penafian kolonialisme, dan kajian sejarah dan persejarahan Melayu Pulau Pinang. Beliau percaya bahawa setiap sarjana mesti berupaya mendekati bidang disiplinnya dari dimensi-dimensi sosiologi, sejarah, falsafah serta berfungsi sebagai advokat awam dalam mengatasi, mentafsir serta menyalurkan pemikiran demi pemajuan masyarakat nasional dan antarabangsa. Prof. Ahmad Murad juga seringkali ditemu bual oleh pertubuhan media seperti Reuters, IRIB (Radio dan Televisyen Iran), Iranian National News Agency (IRNA), BTTV (Televisyen Bukittinggi, Sumatra Barat), Radio Singapura Internasional, Straits Times dan Berita Harian (Singapura), The Star, ASTRO, Padang Ekspres, Malaysiakini, Rakyat Post, Malaysia Gazette, Bernama, Sin Chew dan China Press. Beliau ialah seorang penulis esei dan kolumnis untuk majalah Dewan Masyarakat dan akhbar New Sunday Times, New Straits Times, Sinar Harian dan juga sering menulis untuk suratkhabar dan majalah bahasa Melayu yang lain. Sebelum menceburi kerjaya akademik 32 tahun yang lalu pada tahun 1986, beliau merupakan wartawan di Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) selama dua tahun bermula 1981 dan juga wartawan sambilan untuk Berita Harian tahun 1980 – 1981.

## FORUM 2



## PANEL 2

Nama : Prof. Madya Dr. Sarjit Singh  
a/l Darshan Singh  
Institusi : Universiti Putra Malaysia  
Kepakaran : Antropologi & Sosiologi

## LATAR DIRI

Prof. Madya Dr. Sarjit Singh Gill berasal dari Kuala Lumpur dan mendapat pendidikan peringkat B.A, M.A dan Ph.D dalam bidang Antropologi & Sosiologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kajian beliau adalah pengajian minoriti dan mengkhusus dalam kajian komuniti Sikh di Malaysia. Kini beliau memfokus kepada masyarakat minoriti seperti Orang Asli, Peranakan Chetti, Baba Nyonya, Siam, India Muslim, Gurkha dan Portugis serta etnik pribumi di Sabah dan Sarawak. Beliau merupakan mantan Ketua Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia. Pada 1 Januari 2009, Dr. Sarjit telah dilantik sebagai Ahli Institut Integriti Malaysia (IIM) sehingga kini. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Karyawan Tamu (Guest Scholar) Kementerian Pengajian Tinggi selama setahun pada 2011.

Pada pertengahan 2012, Dr. Sarjit telah dilantik sebagai Ketua Kluster Keharmonian Sosial, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Di IPPBM, Dr. Sarjit berkhidmat sebagai Eksekutif Editor bagi Malaysian Journal of Youth Studies sejak 2008 sehingga kini. Kemudian pada Oktober 2013, Dr. Sarjit telah dilantik sebagai Pengurus Lembaga Penasihat Jurnal Teknikal dan Sains Sosial, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Selangor. Pada bulan September 2013, Y.B Datuk Paul Low, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia telah melantik Dr. Sarjit

sebagai Ahli Pasukan Petugas Mengkaji Laporan Inkuiiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asal/Asli oleh SUHAKAM.

Pada bulan 1 April 2014, Dr. Sarjit telah dilantik sebagai Setiausaha Kluster Perpaduan Nasional, Majlis Profesor Negara, Jabatan Perdana Menteri. Pada bulan Mei 2014, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia telah melantik Dr Sarjit sebagai pakar rujuk bagi pemurnian Dasar Belia Malaysia yang baharu. Pada 1 Julai 2014, YB Tan Sri Datuk Seri Joseph Kurup, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia telah melantik Dr. Sarjit sebagai Ahli Lembaga Penasihat Institut Kajian dan Latihan Integrasi Nasional(IKLIN), Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri. Pada 24 Februari 2016, YAB Perdana Menteri Malaysia telah melantik Dr. Sarjit sebagai Timbalan Pengurus Jawatankuasa Kerja I mengenai Isu-isu Agama, Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) selama dua tahun. Jawatankuasa ini berperanan menasihati Kerajaan mengenai tema perpaduan dan integrasi nasional.

Pada 21 Jun 2016, Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia telah melantik Dr. Sarjit sebagai Ahli Jawatankuasa Bebas Pakar Bidang Tamadun India untuk membantu menyelesaikan kontroversi slides pembentangan bahagian Tamadun India dalam Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) di UTM. Beliau telah menghasilkan 8 buah buku sebagai Editor dan lebih 80 jurnal tempatan dan antarabangsa. Beliau juga merupakan seorang penulis bagi pelbagai majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia sejak 1999 hingga kini, antaranya Dewan Masyarakat, Dewan Budaya, Dewan Bahasa, Pelita Bahasa dan Dewan Siswa. Koleksi 80 artikelnya menyentuh tema manusia, masyarakat dan kebudayaan Malaysia.

Pada 2009, Dr Sarjit telah dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Personaliti Media UPM. Pada 7 November 2013, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) menyampaikan Anugerah Citra Sahabat DBP kepada Dr. Sarjit sebagai penghargaan mendaulatkan Bahasa Melayu di Malaysia. Beliau juga aktif sebagai penulis rencana dalam akhbar Berita Harian. Beliau sering dijemput oleh media massa seperti RTM, TV3, TV9, Astro Awani, Al-Hijrah, Bernama TV & Radio24 untuk memberikan pandangan mengenai masyarakat Malaysia khususnya kaum India, belia dan minoriti. Beliau pernah mewakili Malaysia sebanyak 3 kali seperti Bengkel Keamanan dan Keselamatan Manusia anjuran UNESCO Bangkok pada 2007, Persidangan Antara Agama di Perth, Australia pada 2009 dan Interfaith Summit di Bali, Indonesia pada 2012.

## FORUM 2



## PANEL 3

Nama : Dr. Mohammad Alinor bin Abdul Kadir  
Institusi : Universiti Putra Malaysia  
Kepakaran : Teori Kategori dan Topologi Aljabar

## LATAR DIRI

Dr. Mohammad Alinor Abdul Kadir kini ialah Pensyarah Sambilan di Permata Pintar, PPSM dan FST, UKM. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pensyarah Matematik Tulen dan Falsafah Sains Matematik di PPSM, FST, UKM dan Pensyarah Etika Sains dan Teknologi di FST, UKM sehingga tahun 2009. Beliau sangat aktif dalam penyelidikan dan bidang yang diminatinya ialah Sejarah dan Falsafah Sains dan Teknologi Tamadun Melayu, dan pelbagai tamadun manusia lain seperti Islam, Eropah-Barat, India dan China. Antara pengalaman penyelidikan beliau termasuklah sebagai Penyelidik Pelawat dalam bidang Aljabar Geometri di ICTP, Trieste, Italy, Penyelidik Bersekutu di ATMA, UKM, dalam bidang Sains dan Teknologi Rumpun Melayu serta Penyelidik Bersekutu di IIH, UKM, dalam bidang Sains dan Teknologi Islam. Beliau juga pernah menjadi Felo Tamu ATMA dan sejak 2005 sehingga kini menjadi Penyelidik Bersekutu di INSPEM, UPM, dalam bidang Etnomatematik Rumpun Melayu dan Timbalan Pengarah (Penyelidikan) Akademi Kajian Ketamadunan (2007-kini) serta Penyelidik Bersekutu di Pusat Dialog Peradaban, UM (2013-kini). Dr. Mohammad Alinor mendapat pendidikan PhD dari University of Wales, Bangor, UK (1995-1999) dalam bidang Teori Kategori dan Topologi Aljabar, Sarjana Sains (UKM) pada tahun 1992-1994 dalam bidang Matematik Tulen, Sarjana Muda Sains (UKM) pada tahun 1988-1993 dalam bidang Matematik. Pendidikan Menengah beliau ialah di Pusat Matrikulasi Sains UKM di Sekolah Alam Shah, Cheras dan Sekolah Menengah King George V, Seremban.

# JAWATANKUASA KERJA

Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Penyelarasaran Dasar, KPM

Dewan Bahasa dan Pustaka

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia

Bahagian Kewangan, KPM

Bahagian Khidmat Pengurusan, KPM

Bahagian Pengurusan Maklumat, KPM

Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM

Unit Komunikasi Korporat, KPM

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi, KPM

Jabatan Pendidikan Tinggi

Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti

Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC), UPM

UPMHoldings Sdn Bhd

# NOTA

# NOTA



# KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Urus Setia

Seminar Mendaulatkan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu  
Bahagian Perancangan, Penyelidikan dan Penyelarasaran Dasar  
Kementerian Pendidikan Malaysia

Aras 13, No. 2, Menara 2  
Jalan P 5/6, Presint 5  
62200 Putrajaya